**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**
**SELASA 12 DISEMBER 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | 200 PETANI PERAK MOHON BANTUAN MOHAMAD SABU, NEGARA, KOSMO -18 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2.<br>3.<br>4. | SEKTOR PERTANIAN DI TERENGGANU RUGI RM3.3 JUTA AKIBAT BANJIR, NEGARA, KOSMO -14<br>BANJIR: SEKTOR TANI TERENGGANU RUGI RM3.257j, DALAM NEGERI, UM -32<br>SEKTOR PERTANIAN ALAMI KERUGIAN RM3.2 JUTA, NEGERI TERENGGANU, SH -26 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8. | BOAT CREW HELD OVER FISH BOMBING, NATIONAL, THE SUN -6<br>TAGAL JADI MODUL PENDIDIKAN, NASIONAL, SH -13<br>POPULASI IKAN SUNGAI MENINGKAT, NASIONAL, SH -12<br>IKTIRAF TAGAL SEBAGAI ASET TARIKAN PELANCONGAN, NASIONAL, SH -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 9.<br>10.<br>11. | ROHINGYA GUNA NAJIS AYAM BAJA SAYUR, DALAM NEGERI, UM -29<br>SAYUR-SAYURAN BERDAUN NAIK HARGA, NEGARA, KOSMO -16<br>HARGA MENTAH HASIL LAUT DI PANTAI TIMUR MENINGKAT, NASIONAL, SH -10 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/12/2023 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# 200 petani Perak mohon bantuan Mohamad Sabu



JEYAKUMAR (kiri) menunjukkkan peta kawasan tanah hitam tanaman sayur yang dilupuskan di Putrajaya semalam.

**PUTRAJAYA** – Selepas segala usaha masih menemui jalan buntu, sekumpulan petani di bawah Gabungan Petani Perak mahu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu masuk campur bagi menyelesaikan isu dihadapi mereka sejak sekian lama.

Mewakili kumpulan itu, Pengerusi Parti Sosialis Malaysia (PSM) Dr. Michael Jeyakumar Devaraj berkata, pihaknya mahu Mohamad hadir ke Hulu Kinta, Perak bagi memahami sendiri isu dihadapi lebih 200 petani.

Beliau berkata, pihaknya sedar tanah adalah di bawah kuasa negeri tetapi isu keterjaminan makanan juga sebahagian daripada keselamatan negara.

"Kami berharap Kerajaan Madani bersikap berani dan berprinsip serta tegas untuk menangani isu ini demi keselamatan makanan negara dan kesejahteraan generasi akan datang.

"Kami juga mahu kerajaan negeri menghentikan tindakan mengusir keluar petani yang sedang mengusahakan kebun sayur di Hulu Kinta," katanya selepas menghantar memorandum kepada Pegawai Khas Pejabat Menteri, Muhammad Faizzal Abd. Rahman.

Tambahnya, dalam memorandum itu, Gabungan Petani Perak meminta kerajaan negeri supaya mewartakan tanah yang diambil daripada petani sebagai kawasan kekal pertanian bagi menjamin pengeluaran makanan.

Jeyakumar berkata, pihaknya turut menggesa pihak kerajaan campur tangan dengan menyediakan dana bagi membolehkan kerajaan negeri mengambil semula tanah daripada pihak pemaju dengan kuasa mengikut Akta Pengambilan Tanah.

Sebelum ini, lebih 200 petani di Perak berdepan pengusiran oleh kerajaan negeri apabila tanah kebun yang diusahakan mereka sejak sekian lama diambil bagi tujuan pembangunan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/12/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# Sektor pertanian di Terengganu rugi RM3.3 juta akibat banjir

**KUALA TERENGGANU** – Sektor pertanian Terengganu mengalami kerugian kira-kira RM3.3 juta ekoran banjir gelombang pertama yang melanda negeri itu bulan lalu.

Pengarah Pertanian Terengganu, Datuk Zulkipli Amin Mat Jusoh berkata, kerugian tertinggi direkodkan bagi kemusnahan tanaman padi iaitu RM2.3 juta.

Katanya, ia melibatkan 331 pesawah dan menjejaskan 732 hektar sawah padi.

"Sektor agromakanan pula mencatatkan kerugian sebanyak RM872,700 akibat banjir gelombang pertama terbabit.

"Seramai 143 petani yang mengusahakan 285 hektar tanaman agromakanan terjejas," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Banjir gelombang pertama yang berlaku 13 hari bermula 20 November lalu menjejaskan semua daerah di Terengganu kecuali Hulu Terengganu.

Zulkipli Amin berkata, kesemua kemusnahan itu melibatkan kawasan pertanian di daerah Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Setiu dan Besut yang kebanyakannya berada berhampiran pesisir pantai.

Beliau memberitahu, kerugian tersebut sebenarnya telah cuba diminimumkan dengan rancangan jadual tuaian yang disusun sebelum ini.

"Kesemua pemain industri pertanian Terengganu yang terjejas dengan bencana banjir itu boleh memohon bantuan yang disalurkan kerajaan Persekutuan dan negeri.

"Pesawah yang terjejas boleh memohon bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi disediakan kerajaan Pusat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/12/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

# Banjir: Sektor tani Terengganu rugi RM3.257j

**KUALA TERENGGANU:** Banjir gelombang pertama yang melanda Terengganu pada pertengahan November lalu menyebabkan kerugian kira-kira RM3.257 juta dalam sektor pertanian di negeri itu.

Pengarah Pertanian negeri, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh berkata, berdasarkan laporan diterima pihaknya, kerugian tertinggi direkodkan melibatkan kemusnahan tanaman padi sebanyak RM2.3 juta.

Katanya, selain itu kerugian sebanyak RM872,700 melibatkan sektor agromakanan.

"Kemusnahan ini melibatkan seramai 475 petani dan pesawah yang mengusahakan tanaman tersebut dengan jumlah keluasan 1,037.26 hektar.

"Bagi tanaman padi, seramai 331 pesawah terjejas melibatkan tanaman seluas 732 hektar dan untuk sektor agromakanan pula seramai 143 orang dengan keluasan tanaman 285 hektar.

"Semua mereka dari daerah Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Setiu dan Besut yang kebanyakannya adalah penduduk di pesisir pantai," katanya semalam.

Banjir gelombang pertama yang melanda Terengganu pada 20 November lalu melibatkan tujuh daerah iaitu Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Setiu, Besut, Marang, Dungun dan Kemaman.

Zulkepli Amin berkata, semua petani atau pesawah yang mengalami kerugian boleh memohon bantuan sama ada melalui Kerajaan Persekutuan atau negeri.

"Kebiasaannya bantuan bagi kemusnahan tanaman padi akibat bencana banjir ini disalurkan oleh kerajaan Pusat di bawah Tabung Bencana Tanaman Padi," ujarnya.



**KEADAAN** banjir yang melanda Kampung Gong Baru, Kuala Terengganu, baru-baru ini. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/12/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 26 |

# Sektor pertanian alami kerugian RM3.2 juta

**KUALA TERENGGANU** - Sektor pertanian dianggarkan mengalami kerugian kira-kira RM3.257 juta selepas gelombang pertama banjir melanda negeri itu pada pertengahan November lalu.

Pengarah Pertanian Terengganu, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh berkata, daripada jumlah tersebut, RM2.3 juta melibatkan kemusnahan tanaman padi, sementara RM872,700 lagi adalah sektor agromakanan.

Menurutnya, kemusnahan berlaku melibatkan seramai 475 petani dan pesawah yang mengusahakan tanaman dengan jumlah keluasan 1,037.26 hektar.

"Bagi tanaman padi, seramai 331 terjejas melibatkan tanaman seluas 732 hektar.

"Semua yang terlibat ini dari Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Setiu dan Besut," katanya ketika dihubungi di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, beliau berkata, mereka yang terjejas boleh memohon bantuan sama ada melalui kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri.

"Bantuan bagi kemusnahan tanaman padi akibat bencana banjir disalurkan kerajaan Pusat di bawah Tabung Bencana Tanaman Padi.

"Bagi petani yang mengusahakan sektor agromakanan pula boleh memohon bantuan disediakan kerajaan negeri di bawah Tabung Bencana Pertanian," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/12/2023 | THE SUN | NATIONAL | 6 |



# Boat crew held over fish bombing

**LABUAN:** The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) in Labuan and the Fisheries Department detained a Malaysian and six foreign fishing crew members suspected to be engaged in fish bombing activities in Tanjung Kubong waters.

MMEA Labuan director Kapt Izwanhadi Idros said the joint operation on Saturday targeted vessels without valid licences.

"It was discovered the boat, accompanied by a smaller boat, had no valid licences. Further investigation uncovered 300kg of various fish species and an additional 300kg of dried marine products on board."

Izwanhadi said the 40-year-old Malaysian skipper and six foreign nationals, aged 25 to 61, were detained for investigations.

"We also seized the catch and products, fish bombing equipment and boats," he said, adding that two of the detained crew members, who had no valid travel documents, were handed to the Immigration Department. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/12/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13 |

# Tagal jadi modul pendidikan

Sistem adat itu turut diperluas sehingga ke peringkat universiti

Oleh ASYIKIN ASMIN
KOTA KINABALU

Bagi memastikan amalan sistem tagal terus dilaksanakan di sungai-sungai di Sabah, tanggungjawab itu tidak hanya terletak di bahu komuniti dan Jabatan Perikanan negeri, sebaliknya turut diperluaskan sehingga ke peringkat universiti.

Modul sistem tagal turut diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar di peringkat sekolah hingga ke universiti.

Ia diakui oleh penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Dr Jurry Foo yang terlibat membuat penyelidikan mengenai sistem tagal sejak 2009 lagi.



JURRY

**SISTEM TAGAL PELIHARA HIDUPAN SUNGAI**

Menurutnya, sistem tagal sungai itu diambil daripada kaedah tagal di hutan yang dilakukan oleh komuniti bagi mengawal pengambilan kayu yang banyak digunakan sebagai bahan bakar.

Katanya lagi, untuk menjaga hidupan akuatik di sungai ia perlu dilakukan menerusi sistem adat ini iaitu larangan penangkapan ikan sesuka hati di sungai.

"Ini bagi memastikan pelajar saya memahami apa itu sistem tagal, iaitu sebagai satu kaedah pemuliharaan ekosistem sungai yang popular diterima dan berjaya di Sabah," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Tambah Jurry, menerusi penyelidikannya berjaya mengkaji lebih banyak trend pengurusan sistem tagal seperti yang dilaksanakan di Sungai Luanti, Ranau.

"Hasil kajian saya berjaya menghasilkan tiga modul tagal iaitu modul pertama ialah pengajaran dan pembelajaran, kedua modul mengenai kesedaran alam sekitar dan ketiga mengenai penyelidikan.

"Saya mahu modul ini diiktiraf, difahami, dikenali dan menarik minat orang untuk menyokong sistem tagal ini kerana ketika ini tagal sudah terbahagi kepada dua iaitu yang pertama dilakukan secara konvensional dan keduanya sistem tagal pelancongan.

"Jadi kita perlu menyampaikan maklumat berkaitan perkembangan ini supaya orang faham bahawa bukan semua tagal ada pelancongan di mana ada sasarannya sama ada untuk pelancongan atau konvensional dan keduanya pula untuk memelihara ekosistem sungai," jelasnya.

Diminta mengulas lanjut mengenai modul mengenai kesedaran alam sekitar, Jurry berkata, sebagai seorang tenaga pengajar dalam subjek Biologi dan Geografi menjadi tugasnya untuk mengajar pelajar bagaimana menguruskan alam sekitar.

"Jadi menerusi sistem tagal ini saya gunakan sebagai kandungan dalam subjek agar menjadi contoh nyata bagaimana untuk menguruskan alam sekitar supaya berjaya dan apa manfaatnya kepada komuniti," katanya.

Jurry mendedahkan, usaha yang dilaksanakan sejak 10 tahun berhasil apabila inovasi itu diangkat dalam Pameran Inovasi, Penemuan dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2023 dan meraih pingat emas.

"Pembangunan modul ini saya lakukan kerjasama dengan Sekolah Kebangsaan Marakau di Ranau dan saya bawa inovasi ini di peringkat ITEX pada tahun ini dengan mendapat pingat emas," kongsinya mengenai kejayaan sistem tagal di Sabah.



Sistem tagal merupakan satu kaedah pemuliharaan ekosistem sungai yang diterima komuniti setempat dan berjaya dilaksanakan di Sabah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/12/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Populasi ikan sungai meningkat

## Konsep tagal berjaya kekalkan kelestarian sungai daripada pencemaran

Oleh ASYIKIN ASMIN
KOTA KINABALU

SIRI 2




Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.

Sebanyak 628 tagal melibatkan 227 batang sungai berjaya diwujudkan di seluruh Sabah menurut rekod Jabatan Perikanan Sabah.

Angka tersebut menunjukkan kejayaan negeri ini dalam mengekalkan kelestarian sungainya daripada ancaman pencemaran dan membantu memelihara ikan jenis endemik yang ada di Sabah.

Pengarah Perikanan Sabah, Azhar Kassim berkata, hasil daripada konsep tagal yang diamalkan terbukti menerusi peningkatan populasi ikan di sungai-sungai di negeri ini.

"Apabila kita pelihara ikan tersebut ia akan membiak dan ikan ini tidak semestinya akan berada di suatu tempat saja tetapi akan bermigrasi untuk mewujudkan habitat di tempat lain.

"Ia terbukti hasil daripada pemerhatian, kawasan sungai yang dulunya tiada ikan tetapi apabila selepas ditagal, didapati mulai ada pembiakan ikan.

"Salah satu contohnya ialah di Sungai Semalang, Keningau di mana dulu sungai ini tiada ikan dan dijadikan tempat membuang sampah.

"Tetapi selepas ia di tagal, ikan mulai membiak dan pembuangan sampah dapat dikawal," katanya.

LAPORAN KHAS



Sungai Tuaran di Kampung Lingga, Kiulu antara salah satu sungai yang ditagal.

Sistem tagal merupakan satu peraturan berasaskan adat masyarakat Kadazandusun di Sabah berhubung pemeliharaan sungai bagi mengelak kepupusan ikan air tawar akibat penangkapan yang tidak terkawal.

Menerusi sistem tagal, aktiviti menangkap ikan hanya dibenarkan sekali setahun dan dijadikan pesta yang dinantikan penduduk.

Tambah Azhar, faktor kejayaan tagal itu antaranya disebabkan penguatkuasaan Enakmen Perikanan Darat dan Akuakultur dan peranan Mahkamah Anak Negeri (MAN).

"Peranan Jabatan Perikanan adalah untuk terus mengekalkan konservasi ikan-ikan tersebut walaupun ada ikan di sungai akan ditangkap tetapi dilakukan secara optimum dan menggunakan alat yang betul.

"Jabatan Perikanan sangat serius mengenai penggunaan kaedah haram menangkap ikan seperti racun, tuba dan elektrik di sungai-sungai dan jika didapati menyalahi peraturan, kita tidak akan berkompromi dengan mengambil tindakan berlandaskan undang-undang.

"Kita menggunakan peranan MAN jika terdapat pelanggaran peraturan tagal," jelasnya.

Ditanya adakah sistem tagal turut dilaksanakan di negeri lain, Azhar memaklumkan kerjasama daripada komuniti amat diperlukan untuk memastikan ia berjaya.

"Kita dimaklumkan, sistem ini sukar dilaksanakan di tempat lain kerana kurangnya penglibatan komuniti seperti yang dilakukan di Sabah.

"Di Sabah, komuniti sendiri yang terlebih dahulu melaksanakan aktiviti tagal dan Jabatan Perikanan berperanan meneruskan sistem ini dengan memberi nasihat dari masa ke masa selain menjalinkan memorandum persefahaman (MoU) bagi beberapa tagal di negeri ini," katanya.

## Iktiraf tagal sebagai aset tarikan pelancongan

**KOTA KINABALU -** Kerajaan negeri Sabah sentiasa memberi keutamaan mengembangkan sistem tagal menerusi peruntukan yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN).



JONISTON

Ia dibuktikan menerusi pembentangan Belanjawan Sabah 2024 baru-baru ini apabila sebanyak RM10.43 juta telah diperuntukkan di bawah pembangunan untuk membiayai aktiviti konservasi melalui aktiviti tagal dan juga penempatan tukun tiruan untuk pembiakan ikan sama ada di sungai ataupun laut.

Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Joniston Bangkuai berkata, kerajaan negeri telah pun mengiktiraf tagal sebagai salah satu usaha untuk konservasi dan tarikan pelancong di Sabah.

"Ini satu perkara unik, tagal ini setahu saya tidak ada di negara lain dan inilah yang menjadi tarikan yang perlu kita ketengahkan.

"Kita perlu promosikan keunikan di Sabah dan banyak sudah pihak luar termasuk daripada bidang akademik datang untuk melihat sendiri sistem tagal dilaksanakan," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Joniston yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kiulu berkata, kerajaan negeri Sabah kini berada di landasan yang betul dalam usaha untuk konservasi alam sekitar dan pelancongan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/12/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Rohingya guna najis ayam baja sayur

**BAGAN SERAI:** Peniaga makanan di Parit Haji Aman dan Parit Haji Tahir di sini mendakwa perniagaan mereka terjejas berikutan bau busuk dari kebun sayur yang diusahakan etnik Rohingya menggunakan tinja atau najis ayam sebagai baja.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga makanan, Osman Basrie, 52, berkata, bau busuk dari sebuah kebun sayur yang terletak lebih kurang 10 meter dari kedainya.

Menurutnya, baunya busuk dan meloyakan dari kebun tersebut menyebabkan pelanggan tidak selesa untuk makan.

Katanya, sejak mengusahakan perniagaan itu 30 tahun lalu, dia tidak pernah menghadapi masalah itu.

"Masalah ini berlaku sejak kebun sayur ini menggunakan tinja ayam sebagai baja untuk tanaman. Apa yang saya tahu, kebun sayur ini diusahakan oleh etnik Rohingya.

"Saya bukan nak mempersoalkan siapa pemilik kebun tersebut tetapi lebih kepada penggunaan baja tinja ayam yang menyebabkan bau busuk hingga menyebabkan pelanggan yang datang untuk makan tidak selesa sehingga menjejaskan perniagaan saya," katanya.



**PENDUDUK** menunjukkan kebun sayur yang terletak berhampiran dengan kedai makan di Bagan Serai.

Menurutnya, selain bau, penggunaan baja tinja ayam juga menyebabkan kehadiran lalat di kedainya.

"Saya terpaksa mengeluarkan modal untuk membeli kertas perangkap lalat supaya lalat tidak masuk dalam makanan yang dijual dan tidak mengganggu pelanggan yang datang ke kedai," katanya.

Sementara itu, tinjauan di kebun sayur tersebut mendapati kebun tersebut menggunakan baja tinja ayam yang ditabur di atas batas tanah untuk tanaman pokok daun sireh, kangkung dan bendi.

Seorang etnik Rohingya yang dikenali Mohamad Ayas mengakui dia yang mengusahakan kebun sayur tersebut

Dia turut mengaku menggunakan tinja ayam sebagai baja namun berjanji tidak akan menggunakan lagi baja itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/12/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Meningkat secara mendadak sejak minggu lalu

# Sayur-sayuran berdaun naik harga

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

**IPOH** – Harga sayur-sayuran direkodkan meningkat di pasar-pasar awam sekitar negeri ini termasuklah di sini sejak beberapa hari lalu.

Tinjauan *Kosmo!* di pasar-pasar awam di sekitar ibu kota dan lain-lain kawasan seperti Batu Gajah, Seri Iskandar dan Manjung mendapati, kenaikan harga sayur-sayuran tersebut berlaku sejak minggu lalu terutamanya jenis berdaun.

Seorang peniaga, Mohd. Hamidi Ishak, 39, berkata, antara sayur yang didapati naik harga ialah sawi iaitu dijual pada harga RM8 sekilogram berbanding RM6 minggu lalu.

"Begitu juga dengan pak choy, harga jualan ketika ini ialah RM10 sekilogram berbanding RM7, manakala kailan pula kami jual antara RM10 hingga RM12 sekilogram berbanding RM7 atau RM8 bagi kuantiti berkenaan.

"Kami yang menerima sayur-sayuran tersebut daripada pembekal tiada pilihan selain menaikkan harga jualan bagi memastikan mendapat pulangan setelah mengeluarkan modal lebih ekoran kenaikan kos bahan tersebut," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Nur Zaity Mohd. Rashid, 37, berkata, turut mengalami kenaikan harga termasuklah salad iaitu dijual RM14 sekilogram berbanding RM10 minggu lalu.

Ujarnya, selain salad, timun juga mencatatkan kenaikan yang mana ia dijual pada harga RM5 sekilogram berbanding RM4 hingga RM4.50 pada kuantiti sama, selain tomato iaitu RM8 sekilogram berbanding RM7 minggu lalu.

"Cili merah juga naik iaitu RM17 sekilogram berbanding RM15 pada minggu lalu. Lain-lain sayur tidak naik secara ketara, sebagai contoh kobis bulat RM4 sekilogram, terung panjang RM9 sekilogram dan lobak merak (RM5 sekilogram).

"Harga sayur-sayuran ini naik turun, namun mungkin kenaikan kali ini adalah disebabkan oleh musim hujan, jadi tanaman tersebut kurang menjadi di kebun-kebun," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd. Rahman Syed Abd Rashid berkata, kenaikan harga sayur-sayuran berdaun dijangka meningkat antara 30 hingga 40 peratus menjelang hujung bulan ini.

Beliau menjelaskan, ia berkemungkinan berpunca daripada musim hujan yang dialami ketika ini, sebagaimana yang direkodkan berlaku pada setiap hari di Cameron Highlands.

"Mengikut jangkaan, musim tengkujuh ini dijangka berterusan sehingga hujung tahun ini, jadi dari semasa ke semasa kenaikan harga sayur berdaun seperti sawi dan pak choy akan berlaku sehingga akhir 2023," katanya.



**HARGA sayur-sayuran dijangka naik sehingga 40 peratus sehingga akhir tahun ini akibat musim tengkujuh.**
– GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/12/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

Sotong dan ikan bersaiz besar berkurangan 50 peratus akibat musim tengkujuh

# Harga mentah hasil laut di Pantai Timur meningkat

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Harga mentah hasil laut di sekitar daerah ini didapati meningkat antara RM1 hingga RM8 sekilogram sejak dua minggu lalu.

Rata-rata peniaga mendakwa kenaikan harga itu membabitkan sotong, ketam, udang dan beberapa jenis ikan seperti kembung, selar kuning, tongkol serta selayang.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa pasar basah mendapati, harga sotong dan ketam bunga bersaiz kecil mencecah RM40 sekilogram (kg) berbanding kira-kira RM32 sekilogram sebelum ini.

Udang laut kini berharga RM18 berbanding RM16 sekilogram tetapi udang mengalami penurunan harga apabila dijual antara RM26 hingga RM28 sekilogram.

Ikan kembung pula dijual pada harga kira-kira RM18 sekilogram berbanding RM16 sekilogram manakala ikan selar mencecah RM17 sekilogram berbanding RM12 sekilogram.

Tinjauan juga mendapati, ikan selayang dijual pada harga kira-kira RM8 sekilogram berbanding RM7 sekilogram dan ikan tongkol meningkat RM2 menjadikannya RM12 sekilogram.

Peniaga sotong, Anuar Anas, 48, berkata bekalan hasil laut terutama sotong berkurangan 50 peratus menyebabkan harga di pasar meningkat.


ANUAR


KHAMARUL ZAMAN

Katanya, kekurangan bekalan sotong paling ketara sejak seminggu lalu menyebabkan pembekal terpaksa menawarkan harga lebih tinggi.

"Dalam keadaan hasil tidak berapa banyak, kita kena naikkan harga. Macam hari ini saya jual sotong bersaiz kecil pada RM20 hingga RM22 sekilogram berbanding RM18 sebelum ini. Kalau sotong bersaiz besar iaitu gred A, harga boleh cecah RM40 hingga RM45 sekilogram.

"Walaupun harga tinggi, namun pembeli tidak mempersoalkan mengenai kenaikan kerana memahami kesukaran mendapatkan bekalan ketika musim tengkujuh," katanya yang ditemui di Pasar Besar Kuantan pada Isnin.

Sementara itu, peniaga udang, Khamarul Zaman Awang, 26, berkata sejak dua minggu kebelakangan ini, harga hasil laut tidak menentu.

Ujarnya, minggu ini berlaku peningkatan RM1 bagi udang laut berbanding minggu lalu.

"Tapi untuk harga udang ternak turun RM2 daripada RM30 sekilogram. Jadi, turun naik harga hasil laut ini perkara biasa," katanya.

Sementara itu di **Terengganu**, peniaga ikan sekitar daerah ini mendakwa terpaksa menaikkan harga sotong dan pelbagai jenis ikan bersaiz besar susulan bekalan terhadap hasil laut itu semakin berkurangan.

Menurut Mazlan Awang, 61, keadaan laut bergelora mengehadkan aktiviti nelayan, sekali gus menyebabkan hasil tangkapan menurun.

"Hari-hari biasa dan ketika bukan musim tengkujuh, kita jual sotong bersaiz kecil sekitar RM20 untuk satu kilogram (kg). Pada musim tengkujuh, bekalan hasil laut kurang maka terpaksa jual pada harga RM26 sekilogram.

"Sotong saiz sederhana pula dijual pada harga RM32 sekilogram berbanding RM25 hingga RM25 sebelum ini, manakala sotong saiz besar berharga RM43 berbanding RM32 hingga RM33 sekilogram," katanya ketika ditemui di Pasar Payang, Kuala Terengganu.


Pelanggan meninjau harga ikan dan makanan laut di Pasar Payang, Kuala Terengganu.


Sotong dan udang dijual RM30 sekilogram bergantung kepada kualiti makanan mentah itu di RTC, Tunjong, Kota Bharu.

Mazlan berkata, kenaikan harga tidak dapat dielakkan berikutan modal mendapatkan bekalan hasil laut berkenaan agak tinggi.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Payang mendapati, harga pelbagai jenis ikan bersaiz kecil termasuk ikan selar, selayang dan tongkol masih dijual pada harga berpatutan iaitu di bawah RM10 bagi satu hingga dua kg.

Bagaimanapun, harga ikan bersaiz sedang dan besar meningkat sehingga RM8 berikutan Monsun Timur Laut (MTL).

Peniaga, Mohd Aidil Ali, 22, berkata, harga ikan dijual agak mahal disebabkan bekalan semakin berkurangan di pasaran.

"Ikan besar ini kebanyakkan ditangkap di laut dalam dan ramai nelayan tak turun ke laut disebabkan ombak kuat.

"Jadi kami jual apa yang nelayan tangkap dan bekalan ikan saiz besar sangat terhad.

"Berbeza pula ikan bersaiz kecil apabila bekalannya masih banyak diperoleh berbanding hasil tangkapan ikan bersaiz besar.

"Apabila bekalan ikan bersaiz besar sukar diperoleh maka peniaga terpaksa menaikkan harga bagi menampung kos di peringkat pembekal," jelasnya.

Sementara itu, pelancong dari Kuala Lumpur, Mariah Ahmad, 40, mengakui harga ikan dan sotong segar dijual di pasar berkenaan masih murah berbanding di luar Terengganu.

"Sebelum bergerak pulang ke ibu negara, saya singgah dahulu beli ikan segar di sini yang sedikit murah berbanding tempat lain.

"Sememangnya kita dapati harga ikan agak mahal buat masa ini. Jadi harap perkara ini dapat diselesaikan memandangkan hasil laut adalah makanan kegemaran kami sekeluarga," jelasnya.

Berbeza pula di **Kelantan** apabila bekalan ikan dan sotong tidak terjejas selain harga juga masih kekal berpatutan walaupun masih dalam tempoh MTL.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa pasar sekitar Kota Bharu, mendapati bekalan ikan tempatan masih banyak dan mencukupi bagi menampung keperluan orang ramai termasuk dijual pada harga munasabah.

Pemborong dan peruncit ikan, Kamaruddin Mohamad, 58, berkata bekalan ikan diterimanya masih banyak berikutan nelayan masih dapat turun ke laut.

Katanya, disebabkan bekalan stabil, harga ikan dan sotong kekal dijual dengan harga sama sejak beberapa bulan lalu.

"Harga ikan kembung dijual antara RM12 hingga RM14 sekilogram, selar (RM12), selayang dan kerisi (RM10) diikuti tongkol antara RM9 hingga RM12 sekilogram manakala sotong berharga RM25 hingga RM28 sekilogram.

"Cuaca hujan dua minggu lalu sahaja dan minggu ini tidak hujan, jadi bekalan ikan serta sotong banyak.

"Harga masih kekal tidak naik tetapi kalau ribut dua hari saja, maka harga boleh naik mendadak," katanya ketika ditemui di pasar RTC Tunjong.